

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan terhadap Pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal. Huraian dapatan adalah berdasarkan seperti berikut:-

- (i) Latar belakang pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal
- (ii) Kategori masalah yang amat mengganggu pelajar remaja dan “tidak” amat mengganggu pelajar remaja
- (iii) Ujian t bagi kesemua kategori masalah
- (iv) Ujian t di antara latar belakang pelajar remaja terpilih (Tingkatan dan Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun) dan kategori masalah
- (v) Anova Sehalu bagi kesemua kategori masalah
- (vi) Anova Sehalu dan Analisis ‘Post Hoc’ Multiple Comparisons Scheffe bagi pendapatan ibu dan kategori masalah
- (vii) Perhubungan yang signifikan di antara kesemua 11 kategori masalah.

4.2 Latar belakang Pelajar Remaja daripada Keluarga Ibu Tunggal

Seramai 40 orang pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan bilangan dan peratus responden kajian. Jadual ini juga menunjukkan jantina dan tingkatan persekolahan responden. Seramai 55.0 peratus adalah pelajar lelaki manakala 45.0 peratus pula adalah pelajar perempuan.

Seramai 15.0 peratus responden adalah dari Tingkatan Peralihan, 30.0 peratus responden pula dari Tingkatan Satu, 7.5 peratus responden dalam Tingkatan 2, 17.5 peratus responden dalam Tingkatan Tiga manakala 30.0 peratus responden pula sedang belajar dalam Tingkatan Empat.

Jadual 1

Jantina dan Tingkatan Responden

Latar belakang pelajar	Bilangan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	22	55.0
Perempuan	18	45.0
Jumlah	40	100.00
Tingkatan		
Peralihan	6	15.0
Tingkatan 1	12	30.0
Tingkatan 2	3	7.5
Tingkatan 3	7	17.5
Tingkatan 4	12	30.0
Jumlah	40	100.00

Jadual 2 menunjukkan bangsa dan agama responden daripada keluarga ibu tunggal. Seramai 32.5 peratus terdiri daripada responden yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Sebanyak 30.0 peratus pula adalah daripada responden berbangsa Cina dan beragama Buddha. Seramai 22.2 peratus, responden berbangsa India dan yang beragama Hindu adalah seramai 20.0 peratus. Seramai 10.0 peratus responden adalah berbangsa Punjabi dan beragama Sikh. Seramai 7.5 peratus responden pula beragama Kristian.

Jadual 2

Bangsa dan Agama Responden

Latar belakang pelajar	Bilangan	Peratus (%)
Bangsa		
Melayu	13	32.5
Cina	12	30.0
India	9	22.5
Punjabi	4	10.0
Lain-Lain	2	5.0
Jumlah	40	100.00
Agama		
Islam	13	32.5
Buddha	12	30.0
Hindu	8	20.0
Kristian	3	7.5
Sikh	4	10.0
Jumlah	40	100.00

Jadual 3 memperlihatkan jenis pekerjaan ibu responden. Seramai 12.5 peratus ibu responden tidak bekerja dan keluarga mereka ditanggung melalui pendapatan abang atau kakak responden. Seramai 25.0 peratus ibu responden bekerja sebagai buruh iaitu sama ada sebagai tukang masak atau pun sebagai tukang sapu. Seramai 12.5 peratus ibu responden bekerja di kilang. Seramai 22.5 peratus ibu responden pula bekerja di gerai

makan untuk menampung perbelanjaan harian mereka sekeluarga. Seramai 12.5 peratus ibu responden bekerja sebagai kerani manakala 5.0 peratus ibu responden adalah peniaga. Ibu responden yang bekerja sebagai pegawai hanyalah sebanyak 2.5 peratus iaitu seorang dan 7.5 peratus pula bekerja sebagai pengawal keselamatan

Jadual 3

Klasifikasi Pekerjaan Ibu Tunggal

Klasifikasi pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Tidak bekerja	5	12.5
Buruh	10	25.0
Kerja Kilang	5	12.5
Gerei makanan	9	22.5
Kerani	5	12.5
Berniaga	2	5.0
Pegawai	1	2.5
Pengawal Keselamatan	3	7.5
Jumlah	40	100.00

Jadual 4 memperlihatkan pendapatan bulanan ibu responden. Sebanyak 2.5 peratus atau seorang pelajar yang mengatakan pendapatan ibunya adalah lebih RM 2000.00. Sejumlah 7.5 peratus ibu responden memperolehi pendapatan di antara RM 1501.00 hingga RM 2000.00. Ini diikuti dengan 12.5 peratus atau 5 orang pelajar yang

keluarga mereka mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM 1001.00 hingga RM 1500.00. Seramai 65.0 peratus atau 26 orang pelajar yang menjadi responden mempunyai ibu tunggal yang memperoleh pendapatan bulanan dalam lingkungan RM 501.00 hingga RM 1000.00. Seramai 12.5 peratus ibu responden memperoleh pendapatan bulanan dalam lingkungan kurang dari RM 500.00

Jadual 4

Pendapatan Bulanan Keluarga Ibu Tunggal

Pendapatan Bulanan (RM)	Bilangan	Peratus (%)
Lebih dari RM 2000.00	1	2.5
RM 1501.00 hingga RM 2000.00	3	7.5
RM 1001.00 hingga RM 1500.00	5	12.5
RM 501.00 hingga RM 1000.00	26	65.0
Kurang dari RM 500.00	5	12.5
Jumlah	40	100.00

Jadual 5 memperlihatkan keputusan peperiksaan akhir tahun responden. Seramai 6 orang responden atau 15.0 peratus responden memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun mereka. Seramai 30.0 peratus responden lulus dalam peperiksaan manakala 55.0 peratus responden pula gagal dalam peperiksaan akhir tahun mereka.

Jadual 5

Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun Responden

Skala	Bilangan	Peratus (%)
Cemerlang	6	15.0
Lulus	12	30.0
Gagal	22	55.0
Jumlah	40	100.0

4.3 Kategori Masalah yang Amat Mengganggu dan “Tidak” Amat Mengganggu Pelajar Remaja

Merujuk kepada Jadual 6, min yang tinggi menunjukkan kategori masalah yang amat mengganggu pelajar remaja adalah i) kurikulum dan pembelajaran iaitu min 49.50 dan sisihan piawai 15.15 ii) Aktiviti Sosial dan rekreasi dengan min 48.38 dan sisihan piawai 11.69 iii) Hubungan peribadi dan personaliti, min 48.30 dan sisihan piawai 12.24

Min rendah menunjukkan kategori masalah yang “tidak” amat mengganggu pelajar remaja iaitu Kesihatan dan Perkembangan fizikal dengan min 40.30 dan sisihan piawai 9.62 . Seterusnya diikuti pula dengan kategori masalah rumah dan keluarga dengan min 43.88 dan sisihan piawai 10.17. Kategori masalah Agama dan Moral pula dengan min 43.98 dan sisihan piawai 9.99.

Berdasarkan kepada sisihan piawai bagi kesemua kategori masalah, serakan skor adalah agak luas. Julat bagi min adalah 9.20 (49.50 – 40.30). Ini menunjukkan setiap kategori masalah mempunyai perhubungan yang rapat

Jadual 6

Pangkat, Min dan Sisihan Piawai Kategori Masalah

Pangkat	Kategori Masalah	Min	Sisihan Piawai
1	Kurikulum dan Pembelajaran	49.50	15.15
2	Aktiviti Sosial dan Rekreasi	48.38	11.69
3	Hubungan Peribadi dan Personaliti	48.30	12.24
4	Penyesuaian Diri dengan Persekolahan	48.03	13.69
5	Hubungan dan Interaksi Sosial	47.75	13.02
6	Masa Hadapan, Kerjaya dan Pendidikan	47.40	12.17
7	Kewangan, Kehidupan dan Pekerjaan	44.73	9.43
8	Persahabatan, Seks dan Perkahwinan	44.10	11.89
9	Agama dan Moral	43.98	9.99
10	Rumah dan Keluarga	43.88	10.17
11	Kesihatan dan Perkembangan Fizikal	40.30	9.62

Catatan

Min yang tinggi menunjukkan kategori masalah yang amat mengganggu pelajar

4.4 Kategori Masalah dan Tingkatan Persekolahan

Merujuk kepada Jadual 7, didapati bagi setiap kategori masalah, pelajar dari kumpulan 2 - menengah atas menghadapi tahap masalah yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan pelajar 1 – menengah rendah.

Bagi kategori masalah kurikulum dan pembelajaran, pelajar kumpulan 1 – menengah rendah pula mengalami tahap masalah yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan 2 – pelajar menengah atas.

Jadual 7

Min dan Sisihan Piawai Kategori Masalah dan Tingkatan

Kategori Masalah	Tingkatan Persekolahan	Min	Sisihan Piawai
Kesihatan dan Perkembangan Fizikal	1	39.11	8.81
	2	43.08	11.20
Kewangan, Keadaan Kehidupan	1	44.18	8.68
	2	46.00	11.30
Aktiviti Sosial dan Rekreasi	1	47.36	11.41
	2	50.75	12.48
Persahabatan, Seks dan Perkahwinan	1	43.21	12.63
	2	46.17	10.15
Hubungan dan Interaksi Sosial	1	45.00	11.76
	2	54.17	14.07
Hubungan Peribadi dan Personaliti	1	45.46	10.32
	2	54.92	14.19
Agama dan Moral	1	41.36	7.43
	2	50.08	12.64
Rumah dan Keluarga	1	42.46	9.33
	2	47.17	11.64
Masa Hadapan, Kerjaya dan Pendidikan	1	44.29	10.19
	2	54.67	13.72
Penyesuaian diri dengan Persekolahan	1	46.89	13.39
	2	50.67	14.60
Kurikulum dan Pembelajaran	1	51.18	16.30
	2	45.58	11.69

Petunjuk

1 – Menengah Rendah

2 – Menengah Atas

4.5 Ujian t bagi Kategori Masalah dan Tingkatan

Merujuk kepada Jadual 8, terdapat perbezaan yang signifikan pada $p < 0.05$ dalam kategori masalah i) Hubungan dan Interaksi sosial ii) Hubungan Peribadi dan Personaliti iii) Agama dan Moral dan iv) Masa Hadapan, Kerjaya dan Pendidikan

Jadual 8

Ujian t bagi Kategori Masalah dan Tingkatan

Kategori Masalah	<i>t</i>	<i>p</i>
Kesihatan dan Perkembangan Fizikal	-1.20	0.236
Kewangan dan keadaan keluarga	-0.55	0.582
Aktiviti Sosial dan Rekreasi	-0.84	0.407
Persahabatan, Seks dan Perkahwinan	-0.71	0.479
Hubungan dan Interaksi Sosial	-2.13	0.040*
Hubungan Peribadi dan Personaliti	-2.37	0.023*
Agama dan Moral	-2.23	0.042*
Rumah dan Keluarga	-1.35	0.183
Masa Hadapan, Kerjaya dan Pendidikan	-2.66	0.011*
Penyesuaian diri dengan Persekolahan	-0.79	0.432
Kurikulum dan Pembelajaran	1.07	0.290

Petunjuk

* signifikan pada $p < 0.05$

4.6 Kategori Masalah dan Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun

Berdasarkan kepada Jadual 9, min bagi keputusan peperiksaan gagal adalah tinggi untuk setiap kategori masalah..

Jadual 9

Min dan Sisihan Piawai Kategori Masalah dan Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun

Kategori Masalah	Keputusan Peperiksaan	Min	Sisihan Piawai
Kesihatan dan Perkembangan Fizikal	Gagal	41.77	11.11
	Lulus	38.50	7.31
Kewangan, Keadaan Kehidupan	Gagal	45.77	9.43
	Lulus	43.44	9.54
Aktiviti Sosial dan Rekreasi	Gagal	51.13	12.06
	Lulus	45.00	10.57
Persahabatan, Seks dan Perkahwinan	Gagal	45.50	10.80
	Lulus	42.38	13.21
Hubungan dan Interaksi Sosial	Gagal	49.63	14.02
	Lulus	45.44	11.65
Hubungan Peribadi dan Personaliti	Gagal	50.22	13.10
	Lulus	45.94	10.99
Agama dan Moral	Gagal	46.63	10.12
	Lulus	40.72	9.04
Rumah dan Keluarga	Gagal	46.09	9.84
	Lulus	41.16	10.15
Masa Hadapan, Kerjaya dan Pendidikan	Gagal	48.04	12.96
	Lulus	46.61	11.44
Penyesuaian diri dengan Persekolahan	Gagal	52.91	14.79
	Lulus	42.06	9.53
Kurikulum dan Pembelajaran	Gagal	54.36	16.93
	Lulus	43.55	10.22

4.7 Ujian t Kategori masalah dan keputusan peperiksaan

Berdasarkan kepada Jadual 10, terdapat perbezaan yang signifikan pada $p < 0.05$ dalam kategori masalah i) Penyesuaian diri dengan persekolahan dan ii) Kurikulum dan pembelajaran.

Jadual 10

Ujian t bagi Kategori Masalah dan Keputusan Peperiksaan

Kategori Masalah	t	p
Kesihatan dan Perkembangan Fizikal	1.07	0.290
Kewangan dan keadaan keluarga	0.77	0.445
Aktiviti Sosial dan Rekreasi	1.69	0.099
Persahabatan, Seks dan Perkahwinan	0.82	0.418
Hubungan dan Interaksi Sosial	1.01	0.317
Hubungan Peribadi dan Personaliti	1.10	0.277
Agama dan Moral	1.93	0.061
Rumah dan Keluarga	1.55	0.129
Masa Hadapan, Kerjaya dan Pendidikan	0.37	0.716
Penyesuaian diri dengan Persekolahan	2.80	0.008*
Kurikulum dan Pembelajaran	2.49	0.018*

Petunjuk: * signifikan pada $p < 0.05$

4.8 ANOVA Sehalu Pendapatan Ibu dan Kesemua Kategori Masalah

ANOVA Sehalu pendapatan ibu telah ditadbirkan ke atas kesemua sebelas kategori masalah.

4.8.1 Kategori Masalah Kesihatan dan Perkembangan Fizikal

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan ibu tunggal pelajar remaja dengan kategori masalah kesihatan dan perkembangan fizikal, iaitu , $F(2, 36) = 0.39, p > 0.05$ iaitu 0.677.

4.8.2 Kategori Masalah Kewangan dan Keadaan Kehidupan Keluarga

Bagi kategori masalah kewangan dan keadaan kehidupan keluarga, tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu $F(2, 36) = 0.08, p > 0.05$ iaitu 0.925.

4.8.3 Kategori Masalah Aktiviti Sosial dan Rekreasi

Bagi kategori masalah aktiviti sosial dan rekreasi tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu $F(2, 36) = 0.48, p > 0.05$ iaitu 0.624.

4.8.4 Kategori Masalah Persahabatan, Seks dan Perkahwinan

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi kategori masalah persahabatan, seks dan perkahwinan iaitu $F(2, 36) = 3.48, p < 0.05$ iaitu 0.042.

4.8.5 Kategori Masalah Hubungan dan Interaksi Sosial

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk kategori masalah hubungan dan interaksi sosial iaitu $F(2, 36) = 1.60, p > 0.05$ iaitu 0.215.

4.8.6 Kategori Masalah Agama dan Moral

Kategori masalah agama dan moral tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan di mana $F(2, 36) = 2.83, p > 0.05$ iaitu 0.072.

4.8.7 Kategori Masalah Rumah dan Keluarga

Terdapat perbezaan yang signifikan bsgi kategori masalah rumah dan keluarga iaitu $F(2, 36) = 4.95, p < 0.05$ iaitu 0.013.

4.8.8 Kategori Masalah Masa Hadapan, Kerjaya dan Pendidikan

Bagi kategori masalah masa hadapan, kerjaya dan pendidikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di mana $F(2, 36) = 2.54$, $p > 0.05$ iaitu 0.093 .

4.8.9 Kategori Masalah Hubungan Peribadi dan Personaliti

Keputusan anova sehala tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi kategori masalah hubungan peribadi dan personaliti di mana $F(2, 36) = 1.45$, $p > 0.05$ iaitu 0.247 .

4.8.10 Kategori Masalah Penyesuaian diri dengan Persekolahan

Bagi kategori masalah penyesuaian diri dengan persekolahan, terdapat perbezaan yang signifikan iaitu $F(2, 36) = 3.40$, $p < 0.05$ iaitu 0.044 .

4.8.11 Kategori Masalah Kurikulum dan Pembelajaran

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kategori masalah kurikulum dan pembelajaran di mana $F(2, 36) = 1.24$, $p > 0.05$ iaitu 0.299 .

4.9 ANOVA Sehalu - Pendapatan ibu dengan kategori masalah (Persahabatan, Seks dan Perkahwinan)

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan ibu tunggal pelajar remaja dengan kategori masalah persahabatan, seks dan perkahwinan. Perbezaan yang signifikan bagi kategori masalah persahabatan adalah seperti berikut, $F(2, 36) = 3.48$, $p < 0.05$ iaitu 0.042.

4.9.1 Analisis 'Post Hoc' Multiple Comparisons Scheffe

Bagi melihat perbezaan min kumpulan, analisis "post hoc" multiple comparisons scheffe digunakan untuk membandingkan min di antara kumpulan. Bagi menentukan min yang manakah benar-benar berbeza, kaedah perbandingan 'post hoc' multiple comparisons scheffe telah digunakan. Bagi tujuan ini, perbandingan setiap pasangan kumpulan dibuat untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min signifikan.

Merujuk kepada Jadual 11, kumpulan yang mempunyai min superscript yang berbeza adalah signifikan pada $p < 0.05$. iaitu (^{c, a})

Jadual 11

Min, Kategori Masalah Persabahatan Mengikut Pendapatan Ibu

Pendapatan Ibu	Min	Sisihan Piawai
RM1000.00 – RM2000.00	49.4 ^{a, b}	12.91
RM501 – RM1000.00	44.1 ^b	11.37
Kurang dari RM500.00	32.8 ^{c, a}	2.77

Petunjuk

- 1 – Pendapatan Ibu lebih dari RM 1000.00 hingga RM 2000.00
- 2 – Pendapatan Ibu dari RM 501.00 hingga RM 1000.00
- 3 – Pendapatan Ibu kurang dari RM 500.00

4.10 ANOVA Sehala Pendapatan ibu

Kategori masalah Rumah dan Keluarga

Perbezaan yang signifikan bagi kategori rumah dan keluarga adalah seperti berikut, $F(2, 36) = 4.95$, $p < 0.05$ iaitu 0.013

4.10.1 Analisis 'Post Hoc' Multiple Comparisons Scheffe

Merujuk kepada Jadual 12, skor min yang berbeza yang tinggi menunjukkan kumpulan min (^a, ^b) dan (^c, ^a) mempunyai perbezaan yang signifikan pada $p < 0.05$.

Jadual 12

Min, Kategori Masalah Keluarga Mengikut Pendapatan Ibu

Pendapatan Ibu	Min	Sisihan Piawai
RM1000.00 – RM2000.00	52.63 ^{a, b}	9.19
RM501 – RM1000.00	42.77 ^b	9.71
Kurang dari RM500.00	37.40 ^{c, a}	6.10

Petunjuk

- 1 – Pendapatan Ibu lebih dari RM 1000.00 hingga RM 2000.00
- 2 – Pendapatan Ibu dari RM 501.00 hingga RM 1000.00
- 3 – Pendapatan Ibu kurang dari RM 500.00

4.11 ANOVA Sehala Pendapatan Ibu

Kategori masalah Penyesuaian diri dengan persekolahan

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi masalah penyesuaian diri dengan persekolahan dengan skor $F(2, 36) = 3.40^*, p < 0.05$ iaitu 0.04

4.11.1 Analisis 'Post Hoc' Multiple Comparisons Scheffe

Skor yang tinggi menunjukkan kumpulan (^c, ^a) mempunyai perbezaan yang signifikan pada $p < 0.05$.

Jadual 13

Min, Kategori Masalah Persekolahan Mengikut Pendapatan Ibu

Pendapatan Ibu	Min	Sisihan Piawai
RM1000.00 – RM2000.00	55.88 ^{a, b}	9.09
RM501 – RM1000.00	46.80 ^b	14.14
Kurang dari RM500.00	37.40 ^{c, a}	6.18

Petunjuk

- 1 – Pendapatan Ibu lebih dari RM 1000.00 hingga RM 2000.00
- 2 – Pendapatan Ibu dari RM 501.00 hingga RM 1000.00
- 3 – Pendapatan Ibu kurang dari RM 500.00

4.12 Hubungan (Korelasi) antara kesemua sebelas kategori masalah

Jadual 14 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara setiap kategori masalah apabila dibandingkan dengan sepuluh kategori masalah tersebut. Walaubagaimanapun, bagi kategori masalah kurikulum dan pembelajaran, tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan kategori masalah i) kesihatan dan perkembangan fizikal ii) kewangan dan keadaan kehidupan keluarga iii) agama dan moral dan juga dengan kategori iv) masalah masa hadapan, kerjaya dan pendidikan. Ini bermakna kategori masalah kurikulum dan pembelajaran tidak menjejaskan kategori masalah tersebut bagi pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal ini.

Jadual 14

Korelasi Matriks antara kesemua 11 kategori masalah

Kat.	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
Kesihatan	--	0.625 **	0.627**	0.583**	0.779**	0.614**	0.555**	0.525**	0.425**	0.468**	0.227
Kewangan		--	0.724**	0.440**	0.526**	0.528**	0.527**	0.612**	0.558**	0.359**	0.166
Rekreasi			--	0.640**	0.747**	0.690**	0.697**	0.662**	0.617**	0.610**	0.450**
Persahabatan				--	0.783**	0.630**	0.715**	0.676**	0.602**	0.670**	0.484**
Sosial					--	0.778**	0.766**	0.617**	0.682**	0.693**	0.377**
Peribadi						--	0.721**	0.584**	0.684**	0.594**	0.407**
Agama/Moral							--	0.740**	0.748**	0.681**	0.306
Keluarga								--	0.632**	0.652**	0.451**
Kerjaya									--	0.643**	0.232
Persekolahan										--	0.563**
Pembelajaran											--

Petunjuk** Korelasi signifikan pada ($p < 0.01$)* Korelasi signifikan pada ($p < 0.05$)

kat – kategori

- Kategori Masalah 1 : Kesihatan dan Perkembangan Fizikal
 Kategori Masalah 2 : Kewangan, Keadaan Kehidupan Keluarga
 Kategori Masalah 3 : Aktiviti Sosial dan Rekreasi
 Kategori Masalah 4 : Persahabatan, Seks dan Perkahwinan
 Kategori Masalah 5 : Hubungan dan Interaksi Sosial
 Kategori Masalah 6 : Hubungan Peribadi dan Personaliti
 Kategori Masalah 7 : Agama dan Moral
 Kategori Masalah 8 : Rumah dan Keluarga
 Kategori Masalah 9 : Masa Hadapan, Kerjaya dan Pendidikan
 Kategori Masalah 10 : Penyesuaian diri dengan Persekolahan
 Kategori Masalah 11 : Kurikulum dan Pembelajaran

4.13 Kesimpulan

Hasil dapatan kajian telah mengenalpasti kategori masalah yang amat mengganggu pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal. Antara kategori masalah yang amat mengganggu pelajar adalah dari kategori i) kurikulum dan pembelajaran, ii) aktiviti sosial dan rekreasi, dan iii) hubungan peribadi dan personaliti

Kategori masalah yang “tidak” amat mengganggu pelajar remaja pula ialah kategori masalah i) kesihatan dan perkembangan fizikal, ii) kategori rumah dan keluarga serta iii) Agama dan Moral. Ini bermakna kategori masalah tersebut tidak begitu menjejaskan pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal.

Beberapa angkubah bebas daripada latar belakang pelajar digunakan untuk melihat perbezaan yang signifikan di antara kategori masalah. Angkubah yang digunakan adalah tingkatan persekolahan pelajar, keputusan peperiksaan yang dianalisis dengan menggunakan ujian *t*. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan tingkatan persekolahan dengan kategori masalah kurikulum dan pembelajaran iaitu ($p < 0.05$). Bagi tingkatan persekolahan dan kategori masalah, didapati pelajar dari kumpulan menengah atas menghadapi tahap masalah yang lebih tinggi berbanding

kumpulan menengah atas menghadapi tahap masalah yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar dari kumpulan menengah rendah. Terdapat juga perbezaan yang signifikan di antara keputusan peperiksaan dengan kategori masalah i) penyesuaian diri dengan persekolahan dan kategori masalah ii) kurikulum dan pembelajaran pada $p < 0.05$.

ANOVA sehala telah digunakan untuk melihat kategori masalah dengan pendapatan ibu. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kategori masalah i) persahabatan, seks dan perkahwinan, ii) rumah dan keluarga dan iii) kurikulum dan pembelajaran iaitu ($p < 0.05$). Analisis "post hoc" multiple comparisons scheffe telah digunakan untuk melihat perbezaan min di antara kumpulan pelajar dan perbezaan pendapatan keluarga ibu tunggal. Terdapat perbezaan yang signifikan, di antara min kumpulan (^{c, a}) bagi persahabatan, seks dan perkahwinan pada $p < 0.05$. Bagi kategori masalah rumah dan keluarga dan pendapatan bulanan ibu tunggal pelajar, terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan (^{a, b}) dan (^{c, a}) pada $p < 0.05$. Bagi kategori masalah penyesuaian diri dengan persekolahan dan pendapatan bulanan ibu tunggal pelajar, terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan (^{c, a}) pada $p < 0.05$.

Bagi melihat perhubungan di antara kesemua kategori masalah, korelasi matriks digunakan dan menunjukkan terdapat hubungan di antara kesepuluh kategori masalah iaitu $p < 0.01$. Bagi kategori masalah kurikulum dan pembelajaran, tidak terdapat apa-apa hubungan dengan kategori masalah i) kesihatan dan perkembangan fizikal ii) kewangan dan keadaan kehidupan keluarga iii) Agama dan Moral dan iv) Masa Hadapan, kerjaya dan pendidikan. Ini bermakna kategori masalah kurikulum dan pembelajaran tidak mempengaruhi kategori masalah tersebut pada signifikan ($p < 0.05$).